

3756/2
Prinsip
Perakaunan
Kertas 2
Mei
2010
2 $\frac{1}{2}$ jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

**PEPERIKSAAN OTI 1 2010
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI
SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan satu soalan dalam Bahagian B
2. Bersama dengan kertas soalan ini, tiap-tiap calon diberi alat tulis perakaunan berikut:

Buku Tunai 2 helai

Jurnal 2 helai

Lejar 5 helai

3. Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.
4. Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan.
5. Mulakan tiap-tiap jawapan pada halaman yang baru.
6. Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.

Disediakan oleh:
AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU ANJUNG ILMU

Dicetak oleh:
Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

**[Lihat sebelah
SULIT]**

BAHAGIAN A

[68 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 Encik Tamin ialah pemilik perniagaan Tamin Elektrik sebagai pembekal barangan elektrik yang beroperasi di Gong Badak, Kuala Terengganu.

Berikut ialah baki-baki yang diambil dari buku perniagaannya pada 1 April 2010:

	RM
Tunai di tangan	1 520
Tunai di bank	2 906
Stok	60 480
Penghutang – Easy Capai Bhd.	260
Modal	65 166

Sepanjang bulan April 2010, urus niaga perniagaannya ditunjukkan oleh dokumen-dokumen perniagaan seperti dalam Lampiran A.

Berdasarkan dokumen-dokumen perniagaan yang diberi dalam Lampiran A, anda dikehendaki:

- (a) menyediakan catatan dalam buku-buku catatan pertama. (Catatan urus niaga tunai dalam bentuk Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai tidak diterima). [10 markah]
- (b) memindahkan catatan daripada buku catatan pertama ke lejar. [10½ markah]
- (c) menyediakan Imbangan Duga pada 30 April 2010. [7½ markah]

- 2 Encik Khairul Ikhwan ialah seorang peniaga milikan tunggal yang menjalankan perniagaan runcit di Kampung Kuala Ping, Kuala Berang. Beliau merekod urus niaga perniagaannya tidak mengikut sistem catatan bergu.

Maklumat berikut diambil dari buku perakauman untuk tahun berakhir 31 Mac 2010:

	1 April 2009	31 Mac 2010
	RM	RM
Stok barang niaga	12 860	14 500
Stok alat tulis	50	60
Premis (kos)	80 000	80 000
Lengkapan (kos)	3 400	4 900
Alat pejabat (kos)	5 000	?
Gaji terdahulu	100	-
Komisen diterima terakru	-	150
Penghutang	3 550	5 600
Pemiutang	2 650	3 200

Buku Tunai perniagaan untuk tahun berakhir 31 Mac 2010 adalah seperti berikut:

Perkara	Tunai	Bank	Perkara	Tunai	Bank
	RM	RM		RM	RM
Baki b/b	450	1 000	Belian	1 000	28 660
Penghutang	8 100	14 450	Ambilan	200	
Komisen diterima	450	3 000	Gaji		1 400
Jualan	3 000	30 800	Kadar bayaran	420	
			Lengkapan		2 000
			Alat tulis	80	
			Angkutan masuk	125	
			Pemiutang	7 000	8 700
			Baki h/b	3 175	8 490
	12 000	49 250		12 000	49 250

Maklumat tambahan:

- Sekeping salinan Nota Kredit berjumlah RM100 belum direkod di mana-mana buku.
- Belian kredit ialah RM16 250 dan jualan kredit RM24 600.
- Peruntukan hutang ragu diwujudkan kepada 5% atas penghutang bersih.
- Alat pejabat telah dibeli pada 1 Oktober 2008 dengan kos RM5 000 disusutnilaikan sebanyak 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan, tiada pelarasan dibuat sejak tarikh pembelian.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Mac 2010. [12 markah]
- Kunci Kira-kira pada 31 Mac 2010 dengan menunjukkan modal kerja (dalam bentuk penyata). [8 markah]

[Lihat sebelah
SULIT

- 3 Hakim dan Azam merupakan pekongsi dalam Perkongsian Berkat yang beroperasi di Dungun yang berkongsi untung rugi dengan nisbah 2:1. Pada 31 Oktober 2009 mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian dan menukarkannya kepada syarikat. Kedudukan kewangan perniagaan pada tarikh pembubaran adalah seperti berikut:

**Perkongsian Berkat
Kunci Kira – Kira pada 31 Oktober 2009**

	RM		RM
Kenderaan	40 000	Modal Hakim	50 000
Alatan Pejabat	5 600	Modal Azam	40 000
Penghutang	25 500	Pemiutang	15 750
Bank	16 300		
Stok	18 350		
	<u>105 750</u>		<u>105 750</u>

Perkara-perkara berikut berlaku semasa pembubaran:

- (i) Stok dijual dengan harga RM17 300 dan penghutang dapat dikutip sebanyak RM25 200.
- (ii) Hakim bersetuju mengambil alih alatan pejabat pada harga RM5 000 manakala kenderaan diambil alih oleh Azam dengan harga RM30 000.
- (iii) Belanja realisasi RM320.
- (iv) Pemiutang dijelaskan sepenuhnya dengan mendapat diskaun RM570.
- (v) Semua penerimaan dan pembayaran dibuat dengan cek.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Realisasi [5 markah]
- (b) Akaun Modal (dalam bentuk beruangan) [2 markah]
- (c) Akaun Bank [3 markah]

4 Modal berdaftar Syarikat RQ Bina Berhad sebanyak 900 000 unit Saham Biasa RM12 setiap satu. Syarikat telah menerbitkan 750 000 unit Saham Biasa pada nilai tara kepada orang ramai. Semua saham yang diterbitkan telah dipohon beli dan dibayar penuh semasa pemohonan. Tempoh perakamaan syarikat berakhir pada 31 Mac setiap tahun.

Lembaga Pengarah syarikat telah memutuskan perkara berikut:

- (i) membayar Dividen Interim 5% pada 1 Oktober 2009.
- (ii) mengisytiharkan Dividen Akhir 10% bagi tahun kewangan berakhir tersebut.

Anda dikehendaki:

(a) menghitung:

- (i) Modal Dibenarkan [1 markah]
- (ii) Modal Diterbitkan [1 markah]
- (iii) Dividen Interim [2 markah]
- (iv) Dividen Akhir [2 markah]

(b) menyediakan Akaun Pemohonan, Akaun Modal Saham Biasa dan Akaun Bank. [4 markah]

(c) menyediakan Kunci Kira-kira pada 31 Mac 2010 (tunjukkan bahagian ekuiti pemilik sahaja). [2 markah]

BAHAGIAN B

[12 markah]

Jawab satu soalan sahaja.

- 5 Kedai Tudung Mawar beroperasi di bandar Kuala Terengganu. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaannya:

	1 Januari 2009	31 Disember 2009
	RM	RM
Penghutang	5 400	6 500
Pemiutang	3 760	4 250

Akaun Bank (petikan)

	RM		RM
Baki b/b	15 659	Pemiutang	34 733
Penghutang	59 848	Penghutang (cek tak laku)	560
Jualan	6 234	Belian	2 987
Hutang lapuk pulih	145		

Urus niaga berikut berlaku sepanjang tahun 2009:

Diskaun diberi	142
Diskaun diterima	119
Pulangan keluar	318
Faedah dikenakan atas penghutang	60
Angkutan dikenakan oleh pemiutang	1 340

Maklumat tambahan:

- Seorang penghutang telah diisytiharkan mufliis dan baki hutangnya berjumlah RM380 telah dihapuskan sebagai hutang lapuk. Tiada catatan dibuat dalam buku perniagaannya.
- Pulangan barang kepada pembekal berjumlah RM220 belum dicatat dalam mana-mana buku.

Anda dikehendaki:

- menyediakan Akaun Kawalan Penghutang dan Akaun Kawalan Pemiutang.

[10 markah]

- menghitung jumlah jualan dan belian Kedai Tudung Mawar bagi tahun 2009.

[2 markah]

[Lihat sebelah
SULIT

- 6 (a) Perniagaan Senyum Sokmo adalah pembekal barangan perhiasan rumah di Bukit Payong, Marang. Tahun perniagaannya berakhir 31 Disember setiap tahun. Berikut ialah petikan Imbangan Duga yang diambil daripada buku perniagaan pada 31 Disember 2009:

Butiran	Debit	Kredit
	RM	RM
Penghutang	25 550	
Hutang Lapuk	640	
Peruntukan Hutang Ragu (1 Januari 2009)		1 350

Pada 31 Disember 2009, seorang penghutang diisytiharkan muflis oleh mahkamah dan akaunnya yang berbaki debit RM450 hendaklah dihapuskan sebagai hutang lapuk. Peruntukan hutang ragu hendaklah diselaraskan kepada 5% atas penghutang.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Hutang Lapuk
- (ii) Akaun Peruntukan Hutang Ragu
- (iii) Catatan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2009
- (iv) Catatan dalam Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2009

[7 markah]

- (b) Kedai Ceria Selalu menjalankan perniagaan di Jalan Kamaruddin, Kuala Terengganu. Berikut ialah petikan Kunci Kira-kira perniagaan pada 30 Jun 2009:

Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2009

	RM	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>		
Alatan Pejabat	8 500	
(-) Peruntukan Susut Nilai Alatan Pejabat	1 700	
		6 800

Maklumat tambahan:

Alatan Pejabat disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Belanja Susut Nilai Alatan Pejabat
- (ii) Akaun Peruntukan Susut Nilai Alatan Pejabat
- (iii) Catatan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2009
- (iv) Catatan dalam Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2009

[5 markah]

LAMPIRAN A

DOKUMEN PERNIAGAAN

SALINAN

Tamin Elektrik

69 Jalan Gong Badak
21300 KualaTerengganu
Tel.: 09-6662888

No.: 0238

Tarikh: 2 April 2010

Kepada
Easy Capai Bhd
10B Jalan Kelantan
21200 Kuala Terengganu

INVOIS

Kuantiti	Perkara	Harga Seunit RM	Jumlah RM
60 unit	Lampu dinding LD 001	50.00	3 000.00
190 unit	Lampu suluh LS 434	20.00	3 800.00
220 unit	Lampu Panjang LP 121	25.00	5 500.00
10 unit	Lampu Tidur Eksklusif LTE 222	130.00	1 300.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			13 600.00
Jumlah			12 240.00

(Ringgit: Dua belas ribu dua ratus empat puluh sahaja)

Syarat : 10% 5 hari, 5% 10 hari
Serahan : Angkutan dibayar

K. & K. Di K.

Easy
Penerima

Tamin
Pengurus

DOKUMEN 1

[Lihat sebelah
SULIT

Tamin Elektrik 69 Jalan Gong Badak 21300 KualaTerengganu Tel.: 09-6662888	Tarikh: 5 April 2010
<h1 style="margin: 0;">MEMO</h1>	
<div style="border: 2px solid black; padding: 10px; margin: 10px auto; width: 80%;"> <p>Rekodkan:</p> <p><i>Pemilik telah mengambil tunai perniagaan berjumlah RM450 (Ringgit: Empat ratus lima puluh sahaja) untuk kegunaan peribadi</i></p> </div>	
Tamin Tandatangani Pengurus	

DOKUMEN 2

ASAL	Elektrik Global 10C Seksyen 1 26900 Petaling Jaya, Selangor Tel.: 03-7559999	No.: 01011																												
Kepada Tamin Elektrik 69 Jalan Gong Badak 21300 Kuala Terengganu	<h2 style="margin: 0;">INVOIS</h2>	Tarikh: 10 April 2010																												
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 15%;">Kuantiti</th> <th style="width: 45%;">Perkara</th> <th style="width: 15%;">Harga Seunit RM</th> <th style="width: 25%;">Jumlah RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">150 unit</td> <td>Lampu Siling LS 888</td> <td style="text-align: right;">30.00</td> <td style="text-align: right;">4 500.00</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">50 unit</td> <td>Lampu meja LM 456</td> <td style="text-align: right;">60.00</td> <td style="text-align: right;">3 000.00</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">50 unit</td> <td>Lampu pagar LPG 963</td> <td style="text-align: right;">90.00</td> <td style="text-align: right;">4 500.00</td> </tr> <tr> <td colspan="3"></td> <td style="text-align: right;">12 000.00</td> </tr> <tr> <td colspan="3">Tolak: Diskaun niaga 20%</td> <td style="text-align: right;">2 400.00</td> </tr> <tr> <td colspan="3">Jumlah</td> <td style="text-align: right; border-top: 2px solid black;">9 600.00</td> </tr> </tbody> </table>	Kuantiti	Perkara	Harga Seunit RM	Jumlah RM	150 unit	Lampu Siling LS 888	30.00	4 500.00	50 unit	Lampu meja LM 456	60.00	3 000.00	50 unit	Lampu pagar LPG 963	90.00	4 500.00				12 000.00	Tolak: Diskaun niaga 20%			2 400.00	Jumlah			9 600.00		
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit RM	Jumlah RM																											
150 unit	Lampu Siling LS 888	30.00	4 500.00																											
50 unit	Lampu meja LM 456	60.00	3 000.00																											
50 unit	Lampu pagar LPG 963	90.00	4 500.00																											
			12 000.00																											
Tolak: Diskaun niaga 20%			2 400.00																											
Jumlah			9 600.00																											
(Ringgit: Sembilan ribu enam ratus sahaja)																														
Syarat: 10% 5 hari, 5% 10 hari Serahan : Angkutan dibayar K. & K. Di K.	Tamin Penerima	Joe Pengurus																												

DOKUMEN 3

SALINAN

Tamin Elektrik69 Jalan Gong Badak
21300 KualaTerengganu
Tel.: 09-6662888

No.: 0239

Tarikh: 12 April 2010

Kepada
Insan Sepadu Bhd
35A Rantau Abang
23050 Dungun, Terengganu**INVOIS**

Kuantiti	Perkara	Harga Seunit RM	Jumlah RM
90 unit	Lampu siling bulat LS 888	40.00	3 600.00
240 unit	Mentol lampu neon	5.00	1 200.00
40 unit	Lampu dinding LD 001	50.00	2 000.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			680.00
Jumlah			6 120.00

(Ringgit: Enam ribu satu ratus dua puluh sahaja)

Syarat : 10% 5 hari, 5% 10 hari

Serahan : Angkutan dibayar

K. & K. Di K.

ISA
PenerimaTamin
Pengurus

DOKUMEN 4

ASAL	NOTA DEBIT	ND: 0090	
	Tamin Elektrik 69 Jalan Gong Badak 21300 KualaTerengganu Tel.: 09-6662888		
Kepada Insan Sepadu Bhd 35A Rantau Abang 23050 Dungun, Terengganu		Tarikh: 15 April 2010	
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit RM	Jumlah RM
40 unit	Lampu dinding LD 001 (terkurang catat dalam inouis no. 0239)	50.00	2 000.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			2 000.00 200.00
Jumlah			1 800.00
(Ringgit: Satu ribu lapan ratus sahaja)			
Syarat: 10% 5 hari, 5% 10 hari Angkutan dibayar K. & K. Di K.			
	<i>ISA</i>	Tamin	
	Penerima	Pengurus	

DOKUMEN 5

SALINAN	Tamin Elektrik 69 Jalan Gong Badak 21300 KualaTerengganu Tel.: 09-6662888	No.: 0213				
		Tarikh: 19 April 2010				
RESIT RASMI						
Terima daripada	: <i>Insan Sepadu Bhd</i>					
Ringgit	: <i>Tujuh ribu lima ratus dua puluh empat sahaja.</i>					
Bayaran untuk	: <i>Menjelaskan inouis no. 0239 .& NB no.0090</i>					
	<i>(Diskaun tunai RM396).</i>					
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td colspan="2" style="text-align: center;">RM7 524.00</td> </tr> <tr> <td style="width: 30%;">Tunai /Cek</td> <td>BAMB 222330</td> </tr> </table>			RM7 524.00		Tunai /Cek	BAMB 222330
RM7 524.00						
Tunai /Cek	BAMB 222330					
	<i>Tamin</i>					
	Tandatangan Pengurus					

DOKUMEN 6

SALINAN		Tamin Elektrik		BT: 1151
		69 Jalan Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Tel.: 09-6662888		
Kepada Puan Suliyani Taman Desa Putra 21200 Manir, Terengganu		BIL TUNAI		
				Tarikh: 20 April 2010
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit RM	Jumlah RM	
2 unit	Lampu Siling Kembar Tiga LSKT 939	2 290.00	4 580.00	
Jumlah			4 580.00	

(Ringgit: Empat ribu lima ratus lapan puluh sahaja)

RM4 580.00		Tamin Pengurus
Tunai/Cek	BOMB 340673	

DOKUMEN 7

Tarikh	: 23 April 2010
Penerima	: Elektrik Global
Kerana	: Penyelesaian akaun

	Ringgit	Sen
Baki akhir	15 010	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	15 010	00
Cek ini	9 600	00
Baki	5 410	00

No.: 149789

KERATAN CEK

DOKUMEN 8

SALINAN

Tamin Elektrik
69 Jalan Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
Tel.: 09-6662888

NK: 0198

Kepada
Easy Capai Bhd
10B Jalan Kelantan
21200 Kuala Terengganu

NOTA KREDIT

Tarikh: 24 April 2010

Akaun tuan telah dikreditkan dengan perkara berikut:

Kuantiti	Perkara	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
10 unit	Lampu suluh LS 434	20.00	200.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			20.00
Jumlah			180.00

(Barang dipulangkan kerana rosak)
(Ringgit: Satu ratus lapan puluh sahaja)

Syarat: 10 % 5 hari, 5 % 10 hari
Angkutan dibayar
K. & K. DiK.

Tamin
Pengurus

DOKUMEN 9

ASAL

JC KOMPUTER
166 Jalan Pejabat
20100 Kuala Terengganu
Tel.: 09-6224422

No.: 0840

Tarikh: 29 April 2010

RESIT RASMI

Terima daripada : *Tamin Elektrik*

Ringgit : *Empat ribu dua ratus sahaja.*

Bayaran untuk : *Belian satu set komputer PCX 2000*

RM4 200.00/=

Tamin /No. Cek:	POMB 149790
-----------------	-------------

jeck
Pengurus

DOKUMEN 10

ASAL	PERABOT JAYA Lot 1221 Jalan Batu Enam 21200 Kuala Terengganu Tel.: 09-6664891	INV: 0055	
Kepada Tamin Elektrik 69 Jalan Gong Badak 21300 KualaTerengganu Tel.: 09-6662888		INVOIS	
		Tarikh: 30 April 2010	
Kuantiti	Perkara	Harga Seunit RM	Jumlah RM
2 unit	Rak pameran	3 000.00	6 000.00
2 unit	Kabinet	1 200.00	2 400.00
			8 400.00
	Tolak: Diskaun niaga 10%		840.00
	Jumlah		7 560.00

(Ringgit: Tujuh ribu lima ratus enam puluh sahaja)

Syarat: 10 % 5 hari, 5 % 10 hari
Angkutan dibayar

K. & K. DiK. *Peter* *Tamin*
Pengurus Penerima

DOKUMEN 11

SALINAN	Tamin Elektrik 69 Jalan Gong Badak 21300 KualaTerengganu Tel.: 09-6662888	No.: 0013/10	
Kepada Encik Abu Samah Taman Seroja 21000 Kuala Terengganu	BAUCER PEMBAYARAN	Tarikh: 30 April 2010	
Bil	Keterangan	Tunai/Cek	Jumlah RM
1.	Gaji Abu Samah bulan April 2010	Tunai	500.00
	Jumlah		500.00

(Ringgit: Lima ratus sahaja)

Akuan penerimaan: *Samah*
Penerima

Diluluskan oleh: *Tamin*
Pengurus

DOKUMEN 12

SOALAN TAMAT